

Muzakarah untuk kukuhkan umat Islam
Utusan Online
22 Mei, 2012

KULIM 21 Mei - Usaha untuk bermuzakarah perlu dilakukan bukan kerana kepentingan politik mana-mana parti tetapi demi masa depan orang Melayu dan umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, langkah tersebut penting bagi membolehkan umat Islam mencapai kata sepakat dalam soal masa depan perjuangan bangsa dan agama pada masa akan datang.

"Kita berhak membuat tafsiran apa sahaja berhubung muzakarah tetapi jangan sampai tafsiran yang dibuat menyebabkan orang Melayu dan umat Islam berpecah.

"Sewajarnya kita meletakkan kepentingan politik di tepi dan tidak dijadikan polemik kerana sikap demikian hanya membuang masa," katanya kepada pemberita selepas majlis Bicara Intelek Bersama Guru, di sini semalam.

Lebih 500 guru agama sekolah menengah dan rendah di daerah Kulim Bandar Baharu menyertai sesi bicara berkenaan.

Menurut Jamil Khir, semua pihak kini menanti-nantikan usaha bermuzakarah yang dikatakan boleh menyelesaikan beberapa masalah yang membelenggu umat Islam.

"Sudah lama kita impikan muzakarah. Saya berharap kita boleh teruskan asalkan dengan niat tulus dan ikhlas," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, beliau menasihatkan para guru supaya menjalankan tugas dengan dedikasi sejajar dengan peluang dan kenaikan gaji yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

"Saya melihat pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung kenaikan gaji guru sebanyak 13 peratus baru-baru ini sebagai usaha menghargai golongan pendidik," ujarinya.

Pada masa sama kata beliau, guru perlu menjalankan kewajipan dengan komited bagi memastikan agenda transformasi pendidikan negara berjalan dengan lancar.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0522&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm